



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TALKING POINT

TINJAUAN DAN MENYANTUNI KLIEN

1. Hari ini saya telah turun menyantuni anak – anak yang telah kehilangan ibu mereka akibat virus COVID-19.
2. Tujuan saya turun menyantuni anak-anak ini bagi meninjau keadaan mereka yang telah kehilangan kedua-dua ibu bapa dan melihat TINDAKAN INTERVENSI pihak Kementerian untuk membantu anak-anak ini meneruskan kelangsungan hidup.
3. Ibu mereka **Allahyarhamah Noraisah binti Sabri** telah kembali ke rahmahtullah pada 23 Julai 2021 yang lalu setelah dijangkiti virus COVID-19, manakala arwah ayah mereka telah kembali ke rahmatullah pada tahun 2019. Anak-anak ini **berumur 13 tahun, 11 tahun, 8 tahun dan 7 tahun.**
4. KPWKM komited untuk menyantuni dan membantu anak-anak yang kematian ketua keluarga. Kerajaan melalui Kementerian akan terus memberi fokus kepada usaha membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Sebagaimana yang disarankan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia agar semua pihak memainkan peranan masing-masing untuk membantu rakyat yang sedang dalam kesusahan dan dalam masa yang sama menyokong strategi untuk menentang COVID-19.

5. Pada hari ini saya telah menyampaikan bantuan kepada **kanak-kanak berkenaan seperti berikut:**
- (i) **Bantuan ihsan sumbangan Yayasan Kebajikan Negara sebanyak RM1000;**
 - (ii) **Surat Tawaran Bantuan Kanak-Kanak daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat berjumlah RM600;**
 - (iii) **Sebuah tablet untuk pembelajaran; dan**
 - (iv) **Sokongan emosi melalui kaunselor daripada Kementerian .**
6. Kementerian melalui agensinya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan terus menjaga **kepentingan dan kebajikan anak-anak** yang kehilangan ibu bapa ini dengan memberikan sokongan dan bantuan yang diperlukan agar anak-anak ini tabah dan kembali bersemangat untuk meneruskan kehidupan.
7. Saya berharap **masyarakat turut menjadi “mata dan telinga” kepada pihak Kerajaan, dan terus memupuk sikap ambil peduli dan melaporkan nasib anak-anak yang ditimpa nasib sebegini kepada Kementerian saya.** Masyarakat boleh melaporkan terus ke Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam atau menghubungi PKMD yang berhampiran.

#MalaysiaPrihatin #PrihatinBersama